

Ancaman terhadap keselamatan Sabah sudah merebak ke pantai barat

NSR 6.3.2016
OLEH MARRYAN RAZAN
marryan@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Ancaman keselamatan di Sabah, kini merebak ke kawasan pantai barat, kata Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Sehubungan itu katanya, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Laut, Darat dan Udara akan memperluaskan operasi bersepadu di kawasan Pantai Barat Sabah, seluruh daratan dan ruang udara negeri ini.

“Dulu ancaman hanya di kawasan Pantai Timur Sabah tetapi oleh kerana kawalan keselamatan di kawasan itu cukup ketat, maka cabaran keselamatan perairan Sabah bukan hanya di Pantai Timur tetapi merebak ke Pantai Barat.

“Maklumat-maklumat risikan mendapati bahawa ada ‘panglima-panglima’ dari sebuah kesultanan yang telah dilantik bagi tiap-tiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Sabah. Ini bukan main-main tapi ini ancaman sebenar kepada negara.

“Maka dengan itu, kita perluaskan operasi di seluruh daratan dan ruang udara Sabah. Jangan ada yang cuba-cuba mencerooboh kerana bukan sahaja angkatan tentera dan polis akan bergabung tenaga tetapi rakyat Malaysia khususnya Sabah berada di garisan hadapan

mempertahankan negeri ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (SEKAM) 2016 dan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan KDN, di Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Ahmad Zahid berkata, kerajaan akan terus mempertahankan negeri ini daripada dituntut dan dicerobohi oleh mana-mana pihak sama ada dari dalam atau luar.

“Kita tidak benarkan bumi Sabah dituntut oleh mana-mana kumpulan dan negara kerana Sabah adalah bumi merdeka dalam Malaysia. Malah kita tidak mahu seinci pun bumi Sabah dituntut atau diceroboh oleh mana-mana pihak dari luar atau dari dalam,” katanya.

Beliau mahu semua lapisan masyarakat terus bekerjasama dan membantu pasukan keselamatan menangani ancaman itu menerusi penerapan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH).

“Kerjasama itu penting bagi memudahkan pasukan keselamatan melakukan operasi dan mempertahankan kedaulatan negeri ini,” katanya dan menambah tanggungjawab menjaga keselamatan bukan hanya tanggungjawab pasukan keselamatan semata-mata tetapi tanggungjawab rakyat secara keseluruhannya.

Mengenai seminar itu, Ahmad Zahid berharap seminar itu dapat direalisasikan dan diterjemahkan dalam satu tindakan serta menjadi program tahunan untuk meningkatkan

kesedaran kepada rakyat.

“Saya amat yakin dengan kepimpinan Ketua Menteri Sabah yang juga pengerusi bersama Esscom dan hubungan baik antara beliau dengan kerajaan pusat, Sabah akan terus diberi keutamaan bukan sahaja dari segi pembangunan tetapi keselamatan dan pertahanan,” katanya.

Seminar itu dianjurkan oleh Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) di bawah KDN dengan kerjasama Pusat Kajian Strategik dan keselamatan Sabah (SASSREC) UMS.

Pada majlis itu Ahmad Zahid turut menyaksikan pemeteraian MoU antara IPSOM dan UMS bagi mengenal pasti isu keselamatan serta ketenteraman awam di Sabah secara bersama.

Beliau turut menerima pelantikan sebagai Profesor Adjung di UMS iaitu gelaran kehormat kepada tokoh dan profesional yang pakar serta berpengalaman luas dalam sesuatu bidang.

Turut hadir Ketua Menteri Sabah yang juga Pengerusi Bersama Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) Datuk Seri Musa Haji Aman, Timbalan Menteri Dalam Negeri II Masir Anak Kujat, Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim, Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah dan Ketua Setiausaha KDN Dato Sri Alwi Hj Ibrahim.